



**فرتوبوهن كبغساءن ملايو برساتو**  
**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**  
**(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

**SETIAUSAHA AGUNG**

**KENYATAAN MEDIA**

Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO pada malam 12 Januari 2022 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi antara lain memutuskan bahawa :-

**1.0 PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2021**

- 1.1. Tarikh baharu Perhimpunan Agung UMNO 2021 ialah pada 16 – 19 Mac 2022 seperti jadual berikut :-

**16 Mac 2022 (Rabu)**

Perasmian Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Puteri oleh YB Dato' Seri Utama Timbalan Presiden UMNO

**17 Mac 2022 (Khamis)**

Perhimpunan Agung Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO berlangsung

**18 Mac 2022 (Jumaat)**

Ucapan Dasar Presiden dan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO oleh YB Dato' Seri Presiden UMNO

Perhimpunan Agung UMNO bermula

**19 Mac 2022 (Sabtu)**

Perhimpunan Agung UMNO hari kedua



*Rakyat Didahulukan*  
*People First*



46322/A/0001/UK/En

**BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT**

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada: Setiausaha Agung, Ibu Pejabat Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO  
Tingkat 38, Menara Dato' Onn, Jalan Tun Ismail, 50480 KUALA LUMPUR. Tal: 03-40429511 Faks: 03-40416955

Peti Surat 11782, 50756 KUALA LUMPUR.

Laman Web : [www.umno-online.com](http://www.umno-online.com) | e-Mel: [info@umno.org.my](mailto:info@umno.org.my)

## **1.2 Kehadiran Perwakilan Perhimpunan Agung UMNO**

Kesemua 14 orang perwakilan setiap Bahagian akan dijemput untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2021 dan tidak diadakan perhimpunan secara hibrid. Kesemua 5 orang Perwakilan bagi setiap sayap juga akan menghadiri Perhimpunan Agung masing-masing pada kali ini. Walaupun demikian, SOP tetap akan dipenuhi daripada segi penjarakan, pelitup muka, penggunaan Aplikasi Mysejahtera, *sanitizer* dan lain-lain.

**2.0 Banjir besar yang melanda negara pada Disember 2021 dan Januari 2022 merupakan sesuatu yang diluar jangkaan. Pelbagai bantuan banjir yang diberi oleh kerajaan adalah dialu-alukan. Mesyuarat mengambil ingatan tentang pengurusan banjir yang perlu diperbaiki terutama di Negeri Selangor. Sidang Dewan Rakyat khas pada 20 Januari 2022 juga diharapkan dapat mengumpulkan cadangan-cadangan bernas agar Malaysia menjadi negara yang terhindar daripada banjir-banjir besar pada masa akan datang.**

**3.0 Majlis Kerja Tertinggi UMNO ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli dan pimpinan UMNO di semua peringkat yang terlibat sebagai sukarelawan membantu mangsa banjir. Antaranya ialah kakitangan Ibu Pejabat UMNO, Biro Kebajikan UMNO, Jawatankuasa Penyelaras Bantuan Bencana Banjir Barisan Nasional, Skwad Sayang, Skwad Sabil, Wanita UMNO, Pergerakan Pemuda, Pergerakan Puteri, UMNO Bahagian dan Cawangan terutamanya di kawasan-kawasan yang terlibat banjir.**

**4.0 Majlis Kerja Tertinggi UMNO menegaskan bahawa sokongan kepada YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob sebagai Perdana Menteri adalah sentiasa kekal malahan perlu terus dimantapkan. Majlis Kerja Tertinggi telah memutuskan agar segala kesiapsiagaan dibuat bagi memastikan perjalanan parti berjalan dengan baik dalam membuat pelbagai program bagi menghadapi pengundi 18 tahun dan pengundi baharu yang jumlahnya sekitar 5.8 juta orang.**